

Berita e-Umno dipertingkat jadi gerbang Internet

BH 11 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Ahad—Umno sedang mempertingkatkan laman web Berita e-Umno kepada sebuah gerbang Internet dalam usahanya memerangi pembohongan dan fitnah yang disebarkan pihak tertentu menerusi jaringan maklumat itu.

Gerbang yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi itu akan berfungsi menjawab segera tohmahan serta menjelaskan kedudukan sebenar sesuatu perkara yang diputarbelitkan pembangkang.

Menurut sumber, gerbang itu akan bersifat in-

teraktif dengan rakyat berpeluang untuk berinteraksi dengan pemimpin parti secara dalam talian, termasuk menerusi persidangan atau mel elektronik (emel).

Selain itu, gerbang berkenaan juga menyediakan pelbagai perkhidmatan berguna kepada rakyat seperti bantuan secara dalam talian menerusi beberapa jaringan laman web yang dihubungkan dengannya.

“Banyak perubahan menarik yang akan dilakukan. Tunggu dan lihat,” kata sumber itu sambil menambah ujian penyiaran gerbang itu di Internet sudah

mula dilakukan.

Difahamkan tindakan terbaru Umno ini sejajar dengan perkembangan semasa yang menyaksikan pihak pembangkang memperhebatkan serangan terhadap kerajaan menerusi laman web, termasuk yang terbaru khusus bagi meraih simpati negara asing.

Langkah Umno itu juga dibayangkan Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob, Selasa lalu apabila beliau menyatakan kerajaan akan menjadikan Internet sebagai senjata untuk memerangi dakwah, fitnah serta tohmahan yang disebar melaluinya.

Kenyataan Menteri Pe-

nerangan itu dibuat sehari selepas Dr Mahathir, yang ketika itu berada di Chicago, Amerika Syarikat, menyatakan kesedihan dengan sikap sebilangan rakyat Malaysia yang menyalahgunakan Internet.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, ketika bangsa dunia lain menggunakan Internet untuk perkara berfaedah seperti perniagaan, bangsa kita menggunakannya bagi menyebarkan fitnah serta surat layang.

Walaupun kerajaan menerusi Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, tidak lama dulu melancarkan

laman Buletin Malaysia bagi menangani masalah itu, usaha itu tidak memberikan hasil yang diharapkan.

Antara sebab kegagalan ialah kerana laman itu terlalu bergantung kepada penyiaran semula sedutan laporan akhbar tempatan tanpa menjawab perkara khusus yang dibangkitkan golongan antikerajaan.

Sumber itu berkata, kerja membina gerbang Berita e-Umno itu sudah dimulakan sejak tiga minggu lalu oleh sekumpulan pakar teknologi maklumat tempatan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi Internet terkini.

Penggunaan pelayan

(server) baru berkuasa tinggi juga membolehkan lebih ramai rakyat mencapainya pada satu-satu masa dengan mudah dan cepat.

Gerbang Berita e-Umno juga akan memanfaatkan teknologi protokol aplikasi tanpa wayar (WiFi) bagi membolehkan capaian menerusi telefon selular pada masa depan.

“Sejak dilancarkan April lalu, laman web Berita e-Umno sudah dikunjungi kira-kira enam juta kali. Ini menunjukkan rakyat dahagakan kebenaran ketika mereka dihujani pelbagai maklumat palsu oleh laman web antikerajaan,” kata sumber itu.